

KESEDIAAN MENCEBURI KERJAYA KEJURUTERAAN BINAAN DALAM
KALANGAN PELAJAR JURUSAN BINAAN BANGUNAN DI SEKOLAH
MENENGAH VOKASIONAL

MAISARAH BINTI KAMRO

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2012

ABSTRAK

Kesediaan diri dalam menceburkan diri dalam bidang kerjaya merupakan salah satu masalah yang selalu dialami oleh pelajar di negara kita. Masalah ini boleh menyebabkan pelajar akan mengalami kekeliruan dalam pemilihan kerjaya serta tidak dapat memberikan komitmen yang baik dalam pekerjaan mereka serta boleh memberi kesan terhadap prestasi sesebuah organisasi berkenaan. Secara umumnya kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar jurusan pelajar jurusan binaan bangunan dalam menceburi kerjaya dalam bidang kejuruteraan binaan. Kajian ini dilakukan ke atas 66 orang pelajar jurusan binaan bangunan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Nilai indeks kebolehpercayaan item soal selidik ialah 0.872. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Sciences Version 16 (SPSS 16)*”. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam kerjaya kejuruteraan binaan adalah faktor minat iaitu skor min sebanyak 4.12. Seterusnya, faktor pengetahuan iaitu skor min sebanyak 3.98. Diikuti faktor media iaitu skor min sebanyak 3.90, faktor situasi pekerjaan dan faktor guru iaitu 3.80, ibubapa 3.64 dan rakan iaitu 2.79. Oleh itu jelas membuktikan bahawa faktor minat telah memberi pengaruh kuat berbanding dengan pengaruh faktor-faktor lain. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan statistik signifikan terhadap faktor minat dan faktor ibubapa dalam mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan. Manakala tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan secara statistik terhadap pelajar lelaki dan perempuan dari segi minat dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan. Di samping itu, kajian ini juga memberi cadangan kepada pihak-pihak tertentu agar mereka boleh mengambil tindakan yang sewajarnya selain memastikan pelajar ini dapat memenuhi matlamat kerjaya mereka.

ABSTRACT

Self readiness before involved into career prospect is one of problems that experienced by students in our country. It's caused students to confuse in career choice, do not perform in their tasks and affect the company performances. Basically, this study aim to identify factors that influence the construction engineering profession by building construction students. This study was involving 66 students majoring in building construction using questionnaire as research instrument. The value of reliability index's for the questionnaire is 0.872. The results were analyzed using "Statistical Package for the Social Sciences Version 16 (SPSS 16)". The finding showed the most factors that influenced the construction engineering profession by building construction students is interest factor with mean 4.12. It followed by knowledge factor (3.98), media factor (3.90), work situation and teacher factor (3.80), parents (3.64) and friends (2.79). Thus, its proved that interest factor give a major influence compare to others factor. This study also found that there is statistically significant difference between interest factor and parent factor in influenced the construction engineering profession by students. Meanwhile, there is no statistically significant difference between genders that affect the interest in construction engineering profession. This study also suggests that right actions should be taken by certain parties in addition to ensuring students to fulfill their career goals.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	v
	PENGHARGAAN	vi
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN/ ISTILAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Penyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Persoalan kajian	7
	1.7 Hipotesis kajian	8
	1.8 Kerangka konsep	9
	1.9 Kepentingan kajian	10
	1.9.1 Pelajar sekolah menengah vokasional	10
	1.9.2 Ibu bapa	10
	1.9.3 Guru-guru	11

	1.9.4 Pihak-pihak berkenaan	11
1.10	Skop kajian	11
	1.10.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar	12
	1.10.2 Lokasi kajian	12
	1.10.3 Responden kajian	12
1.11	Batasan kajian	13
1.12	Definisi istilah dan operasi	14
	1.12.1 Sekolah	14
	1.12.2 Vokasional	14
	1.12.3 Faktor	14
	1.12.4 Mempengaruhi	15
	1.12.5 Kesediaan	15
	1.12.6 Kerjaya	15
	1.12.7 Pelajar	16
	1.12.8 Binaan bangunan	16
1.13	Rumusan	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	18
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Aliran vokasional	19
2.3	Industri pembinaan	20
2.4	Hukum kesediaan	22
2.5	Perbezaan jantina dalam kerjaya bidang teknikal	23
2.6	Teori kerjaya	25
	2.6.1 Teori geinzberg	26
	2.6.2 Teori holland	27
2.7	Pemilihan kerjaya	29
28	Faktor-faktor mempengaruhi kesediaan pelajar	29

	2.8.1	Faktor minat	30
	2.8.2	Faktor pengetahuan	31
	2.8.3	Faktor situasi pekerjaan	32
	2.8.4	Faktor ibubapa, rakan guru dan media)	33
	2.9	Rumusan	36
BAB 3		METODOLOGI	37
	3.1	Pendahuluan	37
	3.2	Rekabentuk kajian	38
	3.3	Populasi kajian	38
	3.4	Sampel kajian	39
	3.5	Instrumen kajian	40
	3.6	Kajian rintis	42
	3.7	Kerangka operasi	44
	3.8	Kesahan	45
	3.9	Pengumpulan data	45
	3.10	Analisis data	46
	3.11	Rumusan	48
BAB 4		ANALISIS DATA	49
	4.1	Pendahuluan	49
	4.2	Analisis Bahagian A (demografi responden)	50
	4.3	Analisis Bahagian B	51
	4.3.1	Faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	52
	4.3.2	Perbezaan antara faktor minat dan faktor ibubapa mempengaruhi persediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	59

4.3.3	Perbezaan antara pelajar lelaki dan Perempuan dari segi minat dalam Menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	60
4.4	Rumusan	61
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	62
5.1	Pendahuluan	62
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	63
5.2.2	Perbezaan antara faktor minat dan faktor ibubapa mempengaruhi persediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	67
5.2.3	Perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi minat dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	68
5.3	Rumusan	69
5.4	Kesimpulan	70
5.5	Cadangan	70
5.6	Cadangan kajian lanjutan	73
5.7	Penutup	74
	RUJUKAN	75
	LAMPIRAN	83

SENARAI JADUAL

2.1	Contoh Cara Hidup Tersendiri dan Persekitaran Pekerjaan	27
3.1	Bilangan populasi dan sampel kajian	39
3.2	Pembahagian borang soal selidik	41
3.3	Skala pemeringkatan Likert	41
3.4	Interpretasi skor bagi nilai <i>Alpha Cronbach</i>	43
3.5	Penganalisis data berdasarkan persoalan kajian	47
3.6	Tafsiran skor min	48
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut sekolah	50
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	51
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut kaum	51
4.4	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor minat	52
4.5	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor pengetahuan	53
4.6	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor ibubapa	54
4.7	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor rakan	55
4.8	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor guru	56
4.9	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor media	57
4.10	Analisis min dan sisihan piawai bagi item faktor situasi pekerjaan	58
4.11	Ujian – t terhadap faktor minat dan faktor ibubapa mempengaruhi Kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya binaan bangunan	59
4.12	Ujian – t terhadap pelajar lelaki dan perempuan dari segi minat dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan	61

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Teori Pemilihan Kerjaya	9
3.1 :	Carta Alir Prosedur Menjalankan Kajian	44

SENARAI SINGKATAN/ ISTILAH

CIDB		<i>Construction Industry Development Board</i>
ETP		Program Transformasi Kerajaan
IPT	-	Insitut Pengajian Tinggi
PMR		Peperiksaan Menengah Rendah
RMKe-10	-	Rancangan Malaysia Ke- 10
SPM		Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS 16		<i>Statistical Package for the Social Sciences Version 16 ()</i> .
SMV Batu Pahat		Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat
SMV Kluang		Sekolah Menengah Vokasional Kluang

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik (Pelajar)
- B Borang semakan soal selidik
- C Analisis kebolehpercayaan
- D Analisi Demografi
- E Analisis Bahagian B
- F Analisis skor min faktor minat
- G Analisis min faktor pengetahuan
- H Analisis min faktor ibubapa
- I Analisis min faktor guru
- J Analisis min faktor rakan
- K Analisis min faktor media
- L Analisis min faktor situasi pekerjaan
- M Ujian – t satu sampel
- N Ujian – t bebas
- O Surat kebenaran menjalankan kajian

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sektor pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju dan boleh memenuhi keperluan negara dalam menyahut cabaran-cabaran seperti terkandung dalam wawasan 2020 (Ahmad Badawi, 2010). Melalui transformasi ekonomi negara yang menjurus kepada industri teknologi dan perkhidmatan telah menyaksikan permintaan yang tinggi dalam mendapatkan sumber tenaga kerja separa mahir dan mahir (Dalimin, 2010). Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan telah sedaya upaya merangka strategi dalam melahirkan golongan pelapis muda yang berkemahiran dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan negara, malahan secara tidak langsung kemahiran yang diperolehi ini akan dapat membantu setiap individu itu untuk lebih berdikari serta mampu untuk membangunkan diri masing-masing.

Matlamat ini dapat direalisasikan melalui penubuhan sekolah aliran vokasional dan teknik bagi menyediakan keperluan tenaga kerja secara berterusan untuk membangunkan sektor ekonomi (Tilak, 2002). Dengan perkataan lain, objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih peka terhadap keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh terutamanya tenaga mahir dan separa mahir. Terdapat dua perspektif berkaitan dengan pendidikan vokasional iaitu pertama ialah pendidikan vokasional berasaskan pekerjaan (*Employment Based*) dan satu lagi pendidikan vokasional di sekolah (*School Based Vocational Education*) (Crow, 1983). Malah kewujudan pelbagai aliran dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional ini dapat menyediakan kemahiran serta pengetahuan kepada pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan.

Justeru itu, integrasi akademik vokasional memastikan semua pelajar akan didedahkan kepada kedua-dua domain tanpa perlu dilabel sebagai pelajar “akademik” atau pelajar “vokasional”. Ini juga untuk memastikan pelajar mempunyai keseimbangan yang sama dalam segi bidang akademik serta bidang kemahiran yang membolehkan mereka mempersiapkan diri dalam bidang pekerjaan apabila mereka tamat persekolahan (Nasir, 1985). Hal ini memperlihatkan bahawa pendidikan teknik dan vokasional (PTV) terutamanya aliran vokasional diberikan tanggungjawab yang besar untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir, berkebolehan dan berpendidikan agar dapat membantu negara mencapai hasrat menjadi negara maju. Aliran vokasional merangkumi kursus seperti Amalan Bengkel Mesin, Automotif, Binaan Bangunan, Elektrik, Elektronik, Kimpalan Fabrikasi Logam serta Penyejukan dan Penyamanan Udara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Pendidikan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Negara yang sedang pesat membangun memerlukan tenaga professional dan separa professional bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Mereka merupakan aset terpenting yang merencanakan teras pembangunan sesebuah negara (Yusof & Rajuddin, 2002). Oleh itu, peluang untuk melanjutkan pelajaran dan memasuki alam pekerjaan terbuka luas kepada pelajar-pelajar aliran vokasional ini. Bagi merebut peluang pekerjaan di negara ini, ramai majikan yang bersedia untuk menerima pelajar-pelajar vokasional bekerja dengan mereka. Hal ini dibuktikan melalui

kenyataan Yasin, (2010) bahawa sektor teknologi dan perindustrian disasar menyediakan 92, 545 peluang kerja pada 2012 berbanding 73, 784 peluang kerja tahun sebelumnya. Ini menunjukkan peluang pekerjaan pekerjaan meningkat tahun demi tahun dan menunjukkan bahawa pelajar lepasan sekolah vokasional amat diperlukan dalam memenuhi kehendak pasaran kerja negara.

Kesediaan bakal graduan sebelum menghadapi dunia pekerjaan merupakan satu aspek penting yang sangat diperlukan oleh majikan di organisasi mahupun industri. Kesediaan yang cukup daripada segi mental dan fizikal mampu mengelakkan bakal graduan daripada mengalami kejutan budaya apabila mula memasuki alam pekerjaan, (Arsat & Rasid, 2010). Kesediaan yang dimaksudkan di sini termasuklah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kerja, kesediaan untuk menerima persekitaran pekerjaan, faktor keadaan fizikal dan keyakinan diri terhadap pekerjaan itu sendiri. Antara faktor yang sering mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya adalah faktor minat, faktor pekerjaan, faktor ibubapa, faktor pengetahuan dan faktor sekolah atau institusi (Ahmad Zanzali & Rahmat 2010).

1.2 Latar belakang masalah

Sektor pembinaan negara semakin pesat membangun seperti yang dirancang untuk mencapai target sebagai negara industri menjelang tahun 2020. Sektor pembinaan dijangka memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat tersebut bersesuaian dengan RMK-10 dan Program Transformasi Kerajaan (ETP) (Bakar, 2010). ETP merupakan pendekatan yang menjurus kepada industri teknologi terutama dalam industri pembinaan, teknologi serta perkhidmatan yang menyaksikan permintaan tinggi terhadap sumber tenaga kerja separa mahir dan mahir (Yasin, 2010).

Sektor pembinaan memerlukan tenaga kerja, bahan binaan serta jentera, mesin dan peralatan. Namun begitu, tenaga kerja merupakan tulang belakang sesuatu projek dan tanpanya sesuatu projek itu tidak mungkin dapat dilaksanakan (Yusof & Rajuddin, 2002). Oleh yang demikian, tenaga kerja yang mempunyai latihan teknikal serta

kemahiran adalah merupakan aset yang penting dalam sektor pembinaan. Seiring dengan kehendak ekonomi negara yang memerlukan lebih ramai tenaga kerja terutamanya dalam industri pembinaan dan bagi menyahut cabaran wawasan 2020, bebanannya mestilah ditanggung bersama oleh pihak kerajaan dan rakyat keseluruhannya (Yassin, 2010). Oleh itu, harapan untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dan berteknologi adalah bergantung kepada produk negara iaitu pelajar-pelajar sekolah. Pelbagai pakej telah disediakan untuk pelajar-pelajar tingkatan empat dalam membuat pilihan secara khusus sebelum mereka melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Salah satu pakej yang disediakan adalah termasuk bidang teknikal dan kejuruteraan iaitu pengkhususan terhadap bidang kejuruteraan dan vokasional (Yahya & Ismail, 2007).

Namun begitu, sehingga Jun 2007, jumlah guna tenaga bagi sektor ekonomi negara dianggarkan seramai 9.84 juta orang. Sektor pembinaan telah mewujudkan sebanyak 789,600 peluang pekerjaan iaitu 8.2% dari jumlah guna tenaga negara. Jumlah ini merupakan satu peningkatan daripada guna tenaga tahun sebelumnya iaitu seramai 771,700 orang (CIDB, 2004). Ini menunjukkan setiap tahun terdapat peningkatan guna tenaga kerja yang membawa kepada banyaknya peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan. Walaupun keperluan tenaga kerja ini amat penting di dalam industri binaan, negara terpaksa mengimport tenaga asing untuk menampung kekurangan tenaga kerja yang kritikal. Ini disebabkan oleh pemikiran masyarakat beranggapan bahawa bekerja di tapak bina akan dipandang rendah oleh masyarakat, walhal bidang kerja tersebut memberi pendapatan yang cukup lumayan berbanding dengan kerja-kerja lain terutamanya kerja sebagai operator di kilang-kilang (Yusof & Rajiuddin, 2002).

Sehubungan itu melalui pendidikan teknik dan vokasional dapat melahirkan pelajar yang berketrampilan dalam bidang teknikal bagi membolehkan mereka memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dalam bidang separa mahir dan mahir (Marzuki, Ishak & Wing, 1993). Bersesuaian dengan objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih peka terhadap keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh terutama tenaga separa mahir dan mahir. Malah kewujudan aliran pembinaan dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional ini dapat menyediakan

kemahiran serta pengetahuan kepada pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan (Crow, 1983). Namun begitu, pelajar sekolah khususnya pelajar sekolah menengah sering dikaitkan dengan masalah dalam pemilihan kerjaya dan kurang persediaan dalam menempuhi alam pekerjaan. Masalah yang sering dihadapi ialah berkaitan tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tidak kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang dan tidak mampu menyelesaikan masalah (Nasir, 2003).

Che Mat (1996) dalam Roomai Nor (2002) menyatakan bahawa pendidikan teknik dan vokasional menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan teknologi masa kini. Menurutnya lagi, majikan akan menghadapi masalah dalam menyalurkan teknologi terbaru di dalam tempat kerja kerana ramai pekerja yang kurang pengetahuan dan kemahiran untuk mempelajari pengalaman baru. Ini berlaku kerana kurangnya kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya.

Salah satu faktor yang sering mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya terutamanya dalam industri binaan adalah pelajar kurang berminat untuk menceburi bidang yang mereka pelajari. Mohd Alias (2007), menyatakan bahawa para pelajar kadang kala terdesak untuk memilih atas kemahuan ibu bapa dan bidang pengajian tidak selari dengan minat serta bakat anaknya, ia bakal menimbulkan masalah. Banyak kes seperti ini membawa kepada kegagalan para pelajar dalam pelajarannya dan dunia pekerjaan yang akan diceburinya. Malah menurut Ontok (2004), menyatakan bahawa didapati bahawa faktor minat di dalam sesuatu bidang pekerjaan dapat mempengaruhi kepuasan kerja di dalam pekerjaan seseorang individu dan jika minat tidak diterap di dalam diri pelajar, ini akan menyebabkan kurangnya motivasi di dalam diri pelajar untuk menceburi sesuatu bidang pekerjaan.

Selain itu, menurut Mat Som, (2009), pengetahuan pelajar terhadap persekitaran kerja juga penting supaya mereka tidak akan mengalami kejutan budaya apabila benar-benar berada di alam pekerjaan yang sebenar. Kebanyakan pelajar yang belum pernah memasuki alam pekerjaan yang sebenar menganggap mereka hanya perlu bekerja dari pukul sembilan pagi hingga lima petang sahaja. Namun begitu, kadangkala mereka perlu bekerja lebih masa sehingga pada waktu malam ataupun hingga lewat pagi. Hakikatnya, pekerjaan dalam industri binaan sangat mencabar dan memerlukan komitmen yang

sangat tinggi lebih-lebih lagi jika seseorang itu bekerja dengan organisasi swasta dan industri.

Susana pekerjaan juga turut mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya kejuruteraan binaan. Ini dinyatakan oleh Arsat & Rasid, (2010) dalam kajiannya bahawa suasana tempat kerja yang kurang selesa mempengaruhi kesediaan pelajar dalam pembentukan kerjaya mereka kelak. Tempat kerja di tempat binaan sering dikaitkan dengan suasana yang dianggap sebagai kotor, berat dan melibatkan penggunaan pelbagai jentera sering dijadikan penghalang kepada pelajar terutamanya pelajar perempuan untuk menceburi bidang tersebut (Scher, 2000). Oleh yang demikian, keselesaan sesebuah tempat kerja mempengaruhi kesediaan seseorang pelajar.

Justeru itu, berdasarkan isu-isu yang wujud, satu kajian mengenai kesediaan menceburi kerjaya kejuruteraan binaan dalam kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di sekolah menengah vokasional dijalankan bagi menangani kekurangan dan kekeliruan dalam mempengaruhi kesediaan pelajar.

1.3 Penyataan masalah

Sektor pembinaan di negara ini makin pesat membangun seperti mana yang dirancang kerajaan bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun sepenuhnya, maka menjadi tanggungjawab oleh masyarakat untuk mempertingkatkan usaha terutama pelajar dalam menyiapkan diri dalam bidang pekerjaan melalui pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari. Namun begitu, kurangnya kesediaan pelajar dalam menceburi dalam bidang kerjaya memberi kesan kepada pelajar-pelajar apabila berada bidang pekerjaan serta memberi kesan terhadap prestasi sesebuah organisasi berkenaan. Oleh yang demikian, satu kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor –faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan di kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di Sekolah Menengah Vokasional Batu Pahat, Johor (SMV Batu Pahat) dan Sekolah Menengah Vokasional Kluang, Johor (SMV Kluang)

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti sama ada faktor minat, faktor pengetahuan, faktor luar iaitu ibu bapa, rakan, guru dan media serta faktor situasi pekerjaan dalam mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya di kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di SMV Batu Pahat dan SMV Kluang, Johor.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i) Menenalpasti faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.
- ii) Menenalpasti perbezaan antara faktor minat dan faktor ibubapa mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.
- iii) Menenalpasti perbezaan minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.

1.6 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan merujuk kepada persoalan- persoalan berikut :

- i) Adakah faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan?
- ii) Adakah terdapat perbezaan antara faktor minat dan faktor ibubapa mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan?
- iii) Adakah terdapat minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan?

1.7 Hipotesis kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian, hipotesis kajian yang telah dibuat ialah :

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan statistik signifikan terhadap faktor minat dan faktor ibubapa dalam mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.
- H_{a1} : Terdapat perbezaan statistik signifikan terhadap faktor minat dan faktor ibubapa dalam mempengaruhi kesediaan pelajar dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.
- H_{02} : Tidak terdapat perbezaan statistik signifikan terhadap minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.
- H_{a2} : Terdapat perbezaan statistik signifikan terhadap minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam menceburi kerjaya kejuruteraan binaan.

1.8 Kerangka konsep

Kerangka konsep yang dibangunkan ini adalah untuk menjelaskan secara grafik tentang kajian yang dijalankan. Ia merupakan kunci kepada hubungkait di antara pembolehubah, faktor-faktor yang mempengaruhi kajian dan bentuk binaan kajian yang dijalankan.



Adaptasi dari Teori Pemilihan Vokasional “Teori Holland”, Holland (1973)

Rajah 1.1 : Kerangka konsep

1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar jurusan binaan bangunan dalam pembentukan kerjaya mereka pada masa hadapan. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat menjadi panduan pihak tertentu dengan tujuan berikut:

1.9.1 Pelajar sekolah menengah vokasional

Dapat memberi garis panduan kepada pelajar dalam usaha mengatasi masalah dalam membina kerjaya dalam bidang kejuruteraan binaan. Semoga ianya juga dapat meningkatkan potensi, motivasi dan minat individu terhadap kerjaya dalam bidang kejuruteraan ke peringkat yang lebih tinggi dan membanggakan di samping dapat meningkatkan bilangan golongan yang bekemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan binaan.

1.9.2 Iubapa

Dapat memberi panduan serta pemahaman yang jelas kepada ibubapa dalam menangani masalah pemilihan bidang kerjaya di kalangan anak-anak mereka. Justeru itu adalah diharapkan ibubapa dapat memberi sokongan serta bimbingan dalam pemilihan jurusan yang sesuai khususnya yang diminati oleh anak-anak mereka.

1.9.3 Guru-guru

Dapat menjadi panduan kepada guru-guru dan sekolah dalam membentuk serta melahirkan individu yang terlatih dan berpengetahuan dalam bidang kejuruteraan binaan bagi mempersiapkan pelajar dan bersedia dalam mengharungi bidang kerjaya yang diceburi oleh mereka

1.9.4 Pihak-pihak berkenaan

Menimbulkan kesedaran dan pendedahan kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak kementerian pendidikan dan pihak industri serta lain-lain bahawa kerjaya kejuruteraan memainkan peranan penting dan besar sumbangannya kepada kemajuan Negara. Seterusnya, secara langsung membolehkan keperluan tenaga guna dapat dipenuhi dalam merealisasikan wawasan yang telah disarankan oleh para pemimpin Negara.

1.10 Skop kajian

Kajian ini mengkaji dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar jurusan binaan bangunan dalam pembentukan kerjaya di SMV Batu Pahat dan SMV Kluang.

1.10.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar

Faktor-faktor yang ingin dikaji dalam kajian ini merangkumi tujuh faktor iaitu

- i) Faktor Minat
- ii) Faktor Pengetahuan
- iii) Faktor Ibu bapa
- iv) Faktor Rakan
- v) Faktor Guru
- vi) Faktor Media
- vii) Faktor Situasi Pekerjaan

1.10.2 Lokasi kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Johor dan dua buah sekolah yang terpilih iaitu SMV Batu Pahat dan SMV Kluang. Kedua-dua sekolah vokasional ini dipilih melalui persampelan tidak rawak iaitu jenis sampel bertujuan yang mana penyelidik sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi.

1.10.3 Responden kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap pelajar-pelajar tingkatan empat yang mengambil jurusan binaan bangunan di SMV Batu Pahat dan SMV Kluang, Johor. Di mana penyelidik telah memilih kelas binaan bangunan iaitu 4 Binaan Bangunan (4BB) di kedua-dua sekolah tersebut. Jumlah sampel bagi kajian ini terdiri daripada 66 orang pelajar yang dipilih secara persampelan tidak rawak iaitu jenis sampel bertujuan (Idris, 2010).

1.11 Batasan kajian

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa batasan kajian yang dikenal pasti. Kajian ini terbatas dari aspek masa, kewangan, kejujuran, teknologi jarak dan pengetahuan.

- a) Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan 4 yang mengambil jurusan binaan bangunan di SMV Batu Pahat dan SMV Kluang, Johor sahaja.
- b) Jumlah masa yang terhad iaitu empat bulan yang diberikan untuk mengumpul data mencukupi merangkumi kaedah kajian soal selidik tidak mencukupi dalam mencapai ketepuan data yang dikumpul.
- c) Sebagai pelajar sarjana sepenuh masa, kekurangan sumber kewangan untuk menampung kos untuk menjalankan kajian merupakan batasan dalam kajian ini.
- d) Kejujuran responden yang tidak mampu dikawal oleh pengkaji dalam menjawab soal selidik turut menyebabkan kajian ini terbatas dari aspek pengumpulan data.
- e) Kajian ini turut terbatas dari aspek pengetahuan dan teknologi. Pengkaji tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam menjalankan kajian ilmiah dan kemahiran dalam menggunakan perisian komputer untuk menganalisis data seperti SPSS (*Statistical Package for The Social Science*).

1.12 Definisi istilah dan operasi

Berikut merupakan definisi-definisi istilah dan operasi yang digunakan dalam kajian ini:

1.12.1 Sekolah

Menurut Abdul Rahim (2000) dalam Wagiman (2002), sekolah adalah satu entiti, organisasi mahupun institusi yang melaksanakan aktiviti mengurus, mengajar dan mendidik. Dalam kajian ini, sekolah merujuk kepada dua buah sekolah iaitu SMV Batu Pahat dan SMV Kluang.

1.12.2 Vokasional

Menurut Sulaiman (1992) dalam Md. Idris (1995), vokasional didefinisikan sebagai kursus-kursus pendidikan yang mementingkan kemahiran di dalam sesuatu pekerjaan. Manakala dalam kajian ini, vokasional merujuk kepada jurusan yang mementingkan kemahiran yang diambil oleh pelajar iaitu binaan bangunan.

1.12.3 Faktor

Menurut Ontok, (2004) faktor ialah unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu semasa pemilihan kerjaya pelajar. Dalam kajian ini faktor yang dimaksudkan ialah faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar-pelajar sekolah menengah vokasional jurusan binaan bangunan untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari

1.12.4 Mempengaruhi

Menurut Lau, (2001). mempengaruhi adalah pengaruh atas atau menggunakan pengaruh kepada individu dalam membuat keputusan pemilihan kerjaya. Dalam konteks kajian ini, mempengaruhi membawa maksud perkara atau aspek yang memberi kesan terhadap kesediaan pelajar-pelajar sekolah menengah vokasional jurusan binaan bangunan untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

.

1.12.5 Kesediaan

Menurut Mok (2003), kesediaan merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dalam sesuatu keadaan. Dalam konteks kajian ini, kesediaan membawa maksud kerelaan untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari.

1.12.6 Kerjaya

Menurut Mansur Abdullah (1986), kerjaya boleh dimaksudkan sebagai keseluruhan bidang kerja yang dialami oleh seseorang itu sepanjang hayatnya. Dalam konteks kajian ini, kerjaya merujuk kepada pekerjaan dalam bidang yang sedang dipelajari oleh sampel pada masa kajian ini dijalankan.

1.12.7 Pelajar

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan peraturan-peraturan terpilih (1998), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihal pendidikan, pengajaran, latihan sepenuh masa atau separuh masa di sesuatu institusi pendidikan. Istilah pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar sekolah menengah vokasional yang sedang mengikuti jurusan binaan bangunan.

1.12.8 Binaan bangunan

Menurut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB, 2004), binaan adalah termasuklah reka bentuk, pengilangan, teknologi, bahan dan mutu kerja binaan dan perkhidmatan. Manakala bangunan bermaksud ertinya mana-mana bangunan atau struktur tetap atau sementara termasuklah mana-mana rumah, pondok, bangsal atau kepongkan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya, dan juga mana-mana dinding, bumbung, pagar, platform, pementasan, pintu pagar, tiang, pilar, pagar pancang, bingkai, dinding adang, pelancar, limbungan, dermaga, jeti, pelantar pendaratan, jalan atau jambatan, atau apa-apa penyokong struktur atau asas yang menghubungkan yang sebelumnya dan apa-apa binaan lain. Manakala menurut Bakar (2010), binaan bangunan terdiri dari pelbagai jenis bangunan, kerja-kerja kejuruteraan sivil hinggalah kepada kerja-kerja infrastruktur. Dalam konteks kajian ini, binaan bangunan merujuk kepada jurusan vokasional yang diikuti oleh pelajar sekolah menengah vokasional.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini pengkaji menjelaskan tentang kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kejuruteraan binaan yang mana terdapat pelbagai faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan mereka. Oleh itu, dengan menentukan faktor yang paling mempengaruhi kesediaan pelajar dapat membantu pelajar untuk lebih bersedia dalam menghadapi alam pekerjaan. Dalam menyatakan tujuan dan matlamat kajian, pengkaji telah mengariskan objektif kajian kerana tanpa objektif yang jelas kajian yang dijalankan akan tersasar jauh. Pengkaji juga telah menyatakan kepentingan kajian yang membolehkan kajian ini digunapakai oleh pihak yang dinyatakan

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Kerancangan pembangunan negara menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun. Penekanan kepada sumber manusia merupakan perkara utama bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Sumber manusia merupakan tenaga yang utama yang bergantung kepada tenaga belia yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, berpendidikan dan berkemahiran (Yassin, 2010).

Pertumbuhan sektor-sektor ekonomi seperti sektor pembuatan (10.5%), perkhidmatan (6%), perlombongan (5%) dan pertanian (2.5%) merupakan sesuatu yang memberangsangkan. Pertumbuhan ekonomi ini mampu membuka lebih luas peluang pekerjaan berteraskan kemahiran dalam setiap sektor berkenaan (Laporan Bajet 2005).

Selain menyediakan tenaga kerja yang mampu memenuhi pasaran domestik dan global yang condong kepada teknologi tinggi, kumpulan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran juga tidak dilupakan. Latihan kemahiran adalah satu strategi berkesan ke arah penyediaan kumpulan tenaga pekerja teknikal dan vokasional. Kepentingan dan penggunaan kemahiran teknikal dan vokasional semakin bertambah kerana ia dilihat sebagai kunci kepada pembentukan negara perindustrian. Penggerak utama pembangunan industri ialah penguasaan dan aplikasi kemahiran teknikal dan vokasional oleh barisan tenaga pekerja yang mahir dan pakar di beberapa bidang berkaitan (Kasa, 2004). Oleh yang demikian, bagi memastikan pertambahan tenaga mahir dan separa

mahir yang mampu menghadapi cabaran dalam pembangunan industri ini, maka amatlah penting bagi memastikan pelajar-pelajar terutamanya dari bidang vokasional untuk mempunyai persiapan dan kesediaan dalam menceburi dalam bidang kerjaya.

2.2 Aliran vokasional

Vokasional berasal daripada perkataan Inggeris "*vocation*" bermaksud pakerjaan. Maka Pendidikan Teknik dan Vokasional pula bermaksud pendidikan dalam sebarang jenis latihan yang berkaitan dengan kerja dan kemahiran kerja (Emat, 1993). Manakala menurut Idris, (1998) pendidikan vokasional bukan sahaja melatih seseorang untuk sesuatu pekerjaan dengan memberikannya kemahiran dan pengetahuan, tetapi bersama-sama dengan pendidikan am, memupuk perkembangan sifat dan watak untuk menambahkan keupayaan bagi memahami, menilai, melahirkan pendapat serta menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah

Konsep yang digunakan dalam pendidikan vokasional adalah meluas berbanding pendidikan teknik kerana pendidikan vokasional hanya memberi tumpuan kepada memberi latihan kemahiran bagi sesuatu bidang pekerjaan kepada pelatih. Pada asalnya, pendidikan vokasional ini dirancang untuk menampung murid-murid yang gagal meneruskan persekolahannya ke peringkat menengah atas (Emat, 1993). Menurut Nwagwu (2003) pula, semua sistem pendidikan di dunia memberi keutamaan kepada pendidikan vokasional. Pendidikan vokasional dibentuk bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas vokasional dan teknikal. Pernyataan ini dipersetujui oleh Deraman, Fahmy, Yaakub, & Jemain (2002) mengatakan pendidikan vokasional menyediakan pendidikan yang khusus dan program latihan kepada pelajar untuk memiliki kemahiran tertentu.

Kini negara kita Malaysia masih dalam perjalanan menuju ke arah pembentukan negara maju. Pelbagai cabaran dan rintangan harus ditempuhi bagi menyelaraskan perkembangan ekonomi negara di samping perubahan teknologi yang berlaku. Oleh itu, tenaga mahir tempatan amat diperlukan bagi mengukuh dan menstabilkan ekonomi

negara. Objektif penubuhan sekolah vokasional adalah supaya kurikulum sekolah lebih responsif terhadap keperluan guna tenaga dalam pasaran buruh terutama guna tenaga mahir dan separa mahir (Mustapha, Mohd Yasin & Mohd Ali, 2003). Manakala Tilak (2002) juga mengatakan bahawa pendidikan vokasional boleh melahirkan tenaga kerja yang diperlukan untuk teknologi moden. Ini menunjukkan bahawa pendidikan vokasional amat penting dan kerajaan telah mengambil langkah untuk menyediakan pelbagai program. Tenaga kerja yang berupaya menyesuaikan diri, mudah dilatih dan mempunyai pelbagai kemahiran diperlukan memandangkan industri terus menggunakan kelebihan kemajuan teknologi, sistem pengurusan dan kaedah pengeluaran baru bagi meningkatkan daya saing di pasaran global (RMK-9).

Mustapha & Greenan (2002) juga mengatakan pendidikan vokasional menyediakan pelajar kepada suatu kemahiran yang khusus. Kajian yang dijalankan oleh mereka juga mendapati para pendidik dan majikan percaya bahawa program vokasional lebih sesuai dibanding dengan program akademik untuk mengembangkan kemahiran baru dan kebolehan untuk menggunakan teknologi masa sekarang. Ini turut disokong dengan kenyataan Mustor (2006), peluang kerjaya begitu cerah kerana bidang kemahiran sama ada separa mahir ataupun mahir dalam menawarkan bidang pekerjaan yang menarik, mencabar dan memberi pulangan gaji yang lumayan. Menyedari hakikat ini, kerajaan sentiasa memastikan tenaga kerja yang dibangunkan berupaya menghadapi cabaran ekonomi baru supaya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi.

2.3 Industri pembinaan

Industri pembinaan meliputi pembinaan struktur bangunan seperti jalan raya dan jambatan. Dalam industri pembinaan bukan mengenai membuat bangunan sahaja tetapi juga tergolong dalam membaiki pulih, memecah dan menjaga bangunan. Industri binaan juga merangkumi kerja-kerja besi dan elektrik dalam projek kejuruteraan yang lain (CIDB Malaysia, 2004)

Menurut Bakar (2010), Industri binaan merupakan salah satu sebuah industri yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Ia memainkan peranan yang penting dalam semua sektor perindustrian utama sesebuah negara dalam bentuk penyediaan modal tetap, perkhidmatan, kediaman dan lain-lain. Dari segi fizikal, output industri binaan adalah besar, berat dan mahal serta tidak boleh dipindah ataupun bergerak. Ia tetap di satu-satu lokasi dan melibatkan penggunaan pelbagai bahan dan komponen binaan yang dikeluarkan oleh industri-industri perkilangan yang lain-lain. Output binaan terdiri dari pelbagai jenis bangunan, kerja-kerja kejuruteraan sivil hinggalah kepada kerja-kerja infrastruktur

Yusof & Rajuddin (2002), mengatakan industri pembinaan mempunyai beberapa faktor pengeluaran yang memungkinkan ianya mempunyai fungsi yang sama dengan industri-industri lain iaitu tenaga kerja, bahan binaan serta jentera, mesin dan peralatan. Selain daripada itu kemudahan kewangan amat penting dalam proses perlaksanaan projek. Mengikut Bakar, (2010) pula, tenaga kerja ini merupakan tulang belakang kepada pengerak sesuatu projek pembinaan selain daripada bahan, jentera dan modal. Tanpa tenaga kerja, sesuatu projek itu tidak mungkin dapat dilaksanakan. Oleh itu tidak hairanlah tenaga kerja ini merupakan salah satu asset penting di dalam industri binaan. Tenaga kerja dalam industri binaan ini boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu pekerja am, pekerja separuh mahir dan pekerja mahir.

Dalam RMK-10 kerajaan akan memberi tumpuan terhadap industri pembinaan dalam menjana prasarana untuk menyokong pertumbuhan Negara, di samping memastikan kesejahteraan segenap lapisan rakyat. Berhubung dengan tenaga kerja pula, kini hanya terdapat 23 peratus sahaja daripada tenaga kerja kita merupakan tenaga yang berkemahiran tinggi. Peratusan ini jauh lebih rendah berbanding dengan Negara-negara maju lain. Oleh itu, Negara perlu meningkatkan komposisi pekerja berkemahiran tinggi kepada sekurang-kurangnya 37 peratus menjelang tahun 2015 untuk menjadi sebuah Negara maju (Razak, 2010). Merujuk kepada buku Rancangan Malaysia Kedua (1971), pembinaan meliputi:

- a) Bangunan perumahan (kediaman)
- b) Bangunan bukan perumahan seperti bangunan pejabat, perdagangan dan perindustrian.

- c) Kejuruteraan awam seperti jalanraya, jambatan, terusan, pelabuhan dan lapangan terbang.
- d) Kerja-kerja pemasangan dan baik pulih.

Menurut Othman (2003), pula mentafsirkan sektor pembinaan sebagai pengaplikasian sumber untuk menghasilkan proses pembinaan secara terus yang bukan sahaja melibatkan firma pembinaan malah meliputi firma perunding, profesional, pembekal, institusi kewangan dan sektor kerajaan. Komponen pembinaan terdiri daripada tiga komponen utamanya iaitu:

- a) Bahan-bahan mentah, jentera, mesin dan kewangan
- b) Individu dan organisasi seperti buruh, pembina, kontraktor dan pekerja iktisas
- c) Teknologi dan kepakaran.

2.4 Hukum kesediaan

Berdasarkan hukum kesediaan yang dikemukakan oleh Thorndike ia menghuraikan bahawa tahap kesediaan adalah apabila seseorang individu itu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan dan dapat melaksanakannya (Bong & Kaur, 1998). Menurut Lee (1992) di dalam Sikh Mohamad (2008), menyatakan kesediaan kerjaya adalah merujuk kepada keadaan di dalam diri pelajar itu sendiri dan telah bersedia dan berkebolehan untuk memperolehi sesuatu pengalaman pekerjaan yang baru

Manakala Che Mat (1996) dalam Roomai Nor (2002) menyatakan bahawa pendidikan teknik dan vokasional menghadapi kesukaran untuk bersaing dengan teknologi masa kini. Menurutnya lagi, majikan akan menghadapi masalah dalam menyalurkan teknologi terbaru di dalam tempat kerja kerana ramai pekerja yang kurang pengetahuan dan kemahiran untuk mempelajari pengalaman baru. Ini berlaku kerana kurangnya kesediaan pelajar dalam menceburi bidang kerjaya. Oleh itu pentingnya kesediaan dalam diri pelajar bagi membentuk mereka sebagai pekerja yang berkemahiran dan berpengetahuan.

Pelajar perlulah bersedia dan menunjukkan sikap positif terhadap pemilihan bidang kerjaya yang akan diceburi oleh mereka. Thorndike (1931) dalam Mok (2003) telah mengemukakan Hukum Kesiediaan yang dirumuskan secara ringkas seperti berikut:

- a) Apabila seseorang individu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan dan berjaya melakukannya, maka tindakan ini akan membawa kepuasan kepadanya.
- b) Apabila seseorang individu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan, tetapi tidak dapat melakukannya, maka individu itu akan merasa kecewa.
- c) Apabila seseorang individu belum bersedia untuk melakukan sesuatu, tetapi dipaksa melakukannya, tindakan paksaan itu pula menimbulkan perasaan duka citanya.

Oleh itu jelaslah bahawa kesiediaan pelajar untuk menceburi sesuatu bidang kerjaya amat penting bagi membentuk pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran.

2.5 Perbezaan jantina dalam kerjaya bidang teknikal

Bidang kejuruteraan merupakan salah satu kerjaya professional yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan teknikal. Kerjaya ini memerlukan para jurutera mahir dalam perkara-pekerja yang melibatkan kerja lapangan, pengiraan dan rekabentuk. Lazimnya kerjaya ini memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang tinggi. Walaupun penglibatan wanita dalam bidang ini semakin meningkat, tetapi terdapat beberapa pekerja yang menjadi kekangan dan cabaran untuk mereka terus melibatkan diri dalam bidang pembinaan ini (Scher, 2000).

Ini diakui juga oleh Abu Bakar (2005) dalam kajiannya menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam pendidikan sangat menggalakkan tetapi masih wujud ketaksamaan mengikut gender dalam pendidikan di peringkat menengah, terutama di sekolah menengah vokasional dan teknik dan juga di institusi pengajian tinggi. Manakala Shamsul (1989) dalam Abu Bakar (2005) pula mendapati wujud ketaksamaan gender dalam proses pembangunan ekonomi negara Malaysia. Majoriti kaum wanita masih tertumpu dalam jenis pekerjaan yang sama. Menurut beliau, ideologi gender

telah memainkan peranan penting mengekalkan ketaksamaan antara wanita dan lelaki, khusus dalam pasaran buruh. Dalam proses pendidikan, pelajar perempuan dan lelaki masing-masing memilih matapelajaran yang bersifat “keperempuanan” dan “kelelakian”. Keadaan ini kemudiannya menentukan pilihan mereka dalam bidang pekerjaan.

Manakala Hakim (1979) dalam Lau (2001), telah membuat perbandingan mengikut gender antara Amerika Syarikat, Great Britain dan Russia mengenai taburan pekerjaan bagi tempoh 1900-1970. Kajian beliau mendapati bahawa kadar penglibatan wanita dalam pasaran buruh di Amerika Syarikat dan Great Britain adalah berbeza. Kadar di Amerika Syarikat dan Great Britain adalah masing-masing 18.0 % dan 29 % pada tahun 1900, meningkat kepada 38% dan 36 % pada tahun 1970. Bagaimanapun, tumpuan wanita adalah dalam kategori pekerjaan yang sama, iaitu perkeranian, jualan dan perkhidmatan. Pekerja lelaki pula bertumpu dalam kategori pekerjaan pentadbiran, pengurusan dan pertanian.

Menurut Rahmat (2006), walaupun penglibatan wanita dalam bidang kejuruteraan bukanlah satu perkara yang baru pada era ini, namun terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang terpaksa dilalui sejak wanita mula menceburkan diri di dalam bidang ini. Di beberapa buah negara seperti di timur Eropah dan beberapa negara Asia, terdapat jurang perbezaan di antara lelaki dan wanita yang mempunyai kelayakan profesional dalam bidang kejuruteraan dan menjadikan kejuruteraan sebagai karier masa hadapan. Perkara ini adalah berikutan dengan tanggapan masyarakat bahawa sifat wanita yang lemah lembut tidak sesuai dengan bidang kerja yang lasak dan sifat maskulin lelaki. Sifat *feminism* yang ada pada kaum wanita menyebabkan mereka dianggap tidak mampu menjalankan urusan yang dianggap sesuai untuk lelaki. Pemikiran begini haruslah ditukar kerana kita telah melihat beberapa contoh wanita yang telah berjaya dalam bidang masing-masing walaupun bidang itu adalah kononnya sesuai dengan kaum lelaki.

Begitu juga kajian yang dibuat oleh Scher (2000) di mana beliau mendapati wanita dilihat sukar bersaing di industri pembinaan kerana tidak melengkapkan diri dengan kerja lapangan berbanding lelaki yang dilihat lebih memahami dari segi teknikal dan kerja lapangan. Persaingan juga telah wujud di permulaan untuk mendapatkan

RUJUKAN

- Abdullah A. B. (2003). *Kerjaya Dalam Bidang Kejuruteraan*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor Darul Takzim.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Bakar, N. H. (2005). *Pendidikan dan Segregasi Pekerjaan Mengikut Gender*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana
- Ahmad Badawi, A. (2007). *Merintis Pembaharuan- Satu Misi Nasional*. Pelan induk Pembangunan Pendidikan 2006-2009 (RMK-9). Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Pp. 1-22
- Ahmad Zanzali, N. A. & Rahmat, N. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (1994). *Rang Undang-undang. Malaysia*. D.R. 10/2011.

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-Peraturan Terpilih (1998). *Akta Pendidikan Malaysia*. Akta 550.
- Ariffin, M. Y. M. & Rahman. R. M. A. (2002). *Melangkah Ke Dunia Pekerjaan*. Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Arsat, M. & Rasid, N. A. , (2003). *Faktor kesedian Pelajar Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dala Pembentukan Kerjaya*. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Baba, A. (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bakar, A. H. (2010). *Industri Binaan Malaysia*. Universiti Sains Malaysia: Thesis Sarjana.
- Best, J.W. & Kahn, J.V. (1998). *Research in Education, (8th ed.)* Needham Height,MA:Allyn & Bacon,Boston.
- Bong, P. Y. dan Kaur, R. (1998). *Psikologi II (Semester II)*. Jabatan Pendidikan, Institut Bahasa, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Borchert, M. (2002). *Career Choice Factors of High School Students*. A Research Paper Master of Science Degree The Graduate College University of Wisconsin-Stout
- CIDB Malaysia (2004). *Tinjauan Industri Binaan* . Kuala Lumpur: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- Crow L. D. (1983) *Psikologi Pendidikan Untuk Pengurusan* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dalimin, N. (2010, Jun 03). *Sumber Tenaga Mahir. Berita Harian Online*. Dicapai pada Februari 10, 2011, dari <http://www.bharian.com.my>
- Deraman, A., Fahmy, S. , Yaakub, M. N. , M & Jemain, A. A. (2002). *Benefit, Monitoring & Evaluation System: A Case Study of Malaysian Technical Education System*. Informing Science.
- Emat, Y (1993). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Kuala Lumpur. IBS
- Ee, A. M. (1994). *Psikologi dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Farush Khan, F. F. (2006). *Kenalpasti Minat dan Bakat*. Harian Metro. Dicapai 9 September 2011. <http://www.hmetro.com.my>.
- Ghaffar, N. A. (1990). *Penyelidikan Pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Johor Darul Takzim.
- Ginzberg, E. Ginsburg, S. W., Axelrad, S. & Herma, J.L.(1966). *Occupational Choice: An Approach To A General Theory*. New York.
- Ginzberg, E. , Ginsburg, S. W. , Axelrad, S., Herma, J.L. (1972). *Occupational Choice: An Approach to a General Theory*. Columbia University Press : New York.
- Hitam, Z. & Kamaruzaman, N. N. M. (2010, Februari 6). *Aliran Teknik, Vokasional berbeza*. Berita Harian. Dicapai pada Februari 1, 2011 dari <http://www.bharian.com.my>.
- Holland, J.L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory of a Career*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Holland, J.L. (1966). *The Psychology of Vocational Choice*. Waltham, Mass: Blaisdell.

- Idris, I.(1998) *Perubahan Dunia Vokasional - Satu Cabaran Kepada Sistem Pendidikan*. Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan.. Kuala Lumpur: Percetakan kerajaan, pp.10.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (2006, Mac). *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan, 2006 - 2010: Ucapan YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat*. Dicapai pada Januari 15, 2011, dari Jabatan Perdana Menteri Malaysia:
<http://www.epu.gov.my/html/themes/epu/images/common/pdf/RMK9-ucapan.pdf>
- Johari, K. (2003). *Penyelidikan dalam Pendidikan – Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Juhari, S. P. (2003). *Pengaruh Faktor Minat, Keluarga, Role Model dan Jangkaan Gaji Terhadap Pelajar Wanita Dalam Menentukan Bidang Kejuruteraan Sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Kasa, Z. (2004). *Pendidikan Teknik & Vokasional : Sejauhmana Memenuhi Keperluan Pasaran Buruh Negara*. Kertas Kerja Seminar Pemantapan PTV : KUiTTHO. Tidak diterbitkan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia.(2008 November 24) *Hala Tuju Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Dicapai pada Jun 15, 2011, dari Kementerian Pelajaran Malaysia : http://www.moe.gov.my/bpk/sp_hsp/vokasional.htm
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundations of Behavioural Research*. New York: Holt, Reinehart and Winston.
- Kerlinger, F. N. (1973). *Foundations of Behaviorial Research*. Holt, Rinehart and Winston, New York

- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Bajet (2005). *Perlaksanaan Industrialised Building System (IBS) Dalam Projek Kerajaan*. Kementerian Kewangan Malaysia. S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jid. 25 SK3 (11)
- Lau, H. (2001). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Wanita Memilih Bidang Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal sebagai Suatu Kerjaya Masa Hadapan*. Parit Raja: Tesis Sarjana.
- Lebar, M. S. (1999). *Memahami Psikologi*. Thinker's Library Sdn. Bhd. Selangor.
- Malhotra, N. K. (1996). *Marketing Research: An Applied Orientation*. 2nd. E.d. United States : Prentice-Hall Inc.
- Mansur, M. & Tamim, M. S. N. (1989). *Kaunseling Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Vinlin Press. 10-25.
- Mansor, M. (2001). *Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat*. Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Manson, E. J. & Bramble, W. J. (1997). *Research in education and the behavioral sciences: Concepts and methods*. Los Angeles: A Time Mirror Company.
- Marzuki, S., Ishak, Z., Wing, L.P. (1993). *Pendidikan Di Malaysia*. Terbitan Pertama. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

- Mat Som, H.(2009). *Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Bidang Teknikal Di UTHM Terhadap Peluang Pekerjaan*. Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Md. Idris, A. F (1995). *Kepentingan Amalan Keselamatan di Bengkel Kimpalan dan Fabrikasi Logam di Sekolah Menengah Vokasional Kuala Terengganu, Kemaman dan Besut Negeri Terengganu: Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana Muda
- Meng, E. A(1998). *Pendidikan Sebagai Satu Proses*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Minhat, N. (2004). *Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar Aliran Perdagangan Sekolah Menengah Teknik: Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohd Alias, M. F (2007, Julai 05). *Konflik Bakat, Minat dan Pilihan Ibu Bapa*. Utusan Malaysia Online. Dicapai pada Julai 1, 2011, dari <http://www.utusan.com.my>
- Mohd Noah, S. (2002). *Perkembangan Kerjaya : Teori & Praktis*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sabrie, S. A. (2004). *Faktor Kelemahan Pelajar dalam Peperiksaan Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan*. Universiti Tun Huessein Onn: Tesis Sarjana.
- Mok, S. S. (2003). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Pengurusan Semester 2*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 43 – 44.
- Mustapha, K. , Mohd Yasin, R. & Mohd Ali, H. (2003). *Integrasi Akademik Dan Vokasional: Rasional Dan Cabaran*. Jurnal Pendidikan. 28. 77-90.

- Mustapha, R. & Greenan, J. P. (2002). *The Role of Vocational Education in Economic Development in Malaysia: Educators' and Employers' Perspectives*. Journal of Industrial Teacher Education. Vol. 39. No.2.
- Mustor, A. H. (2006). *Pendidikan Selepas SPM*. Ed. Ke-2. Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Nasir, R. (1985). *Minat dan Proses Perkembangan Kerjaya*, Kertas kerja seminar psikologi dan masyarakat kedua. Bangi: University Kebangsaan Malaysia.
- Nasir, R. (2003). *Isu-isu Kaunseling Dan Perkembangan Kerjaya*. Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Nazaruddin, N. S. (2000). *Pemilihan Kerjaya di kalangan pelajar Sekolah menengah Di Batu Pahat*. KUiTHHO. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan
- Noah, S. M. (2003). *Penggunaan Ujian Psikologi dalam Pemilihan kerjaya*. Diakses dari <http://web.uum.edu.my/p2k/ujian>. 4 April 2011.
- Nwagwu, J. U. (2003). *Alleviating Poverty through Vocational Education: The Nigerian Experience*. Faculty of Education, Imo State University Owerri: Nigeria
- Othman, N. (2003). *Pengambilan Buruh Asing dalam Sektor Pembinaan di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.
- Ontok, T. (2004). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar Politeknik dan Institut kemahiran Mara Suatu kajian Kes di Sabah*. Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

- Pa, N. A & Jay, M. (1999).). *Persediaan Kaum Remaja Kepada Kerjaya, Laporan Persidangan Nasional Kaum Remaja*. Kuala Lumpur: Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Pines, A. M., & Yanai, O. Y. (2001). *Unconscious determinants of career choice and burnout: Theoretical model and counselling strategy*. *Journal of Employment Counseling*, 38, 170-184.
- Rahmat, A. (2006). *Cabaran wanita Di Dalam Industri Pembinaan*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Razak, A.M.N (2010). *Menuju Negara Maju*. Utusan online. Dicapai pada 12 januari 2011, dari <http://www.utusan.com.my>
- Roe, A. (1969). *The Psychology of Occupation*. New York, John Wiley & Sons
- Roomai Nor, N. H., (2002). *Persediaan Pelajar Institus Latihan Perindustrian Pasir Gudang Memasuki Pasaran Kerja di Sektor Perindustrian, Satu Tinjauan*. Skudai : penerbit universiti teknologi Malaysia. Tesis sarjana muda.
- Sabar, S. dan Khalid, M. (2005). *Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Bekerjaya Memilih Kursus Pengurusan Lepas Ijazah Pengkhususan Sekolah Rendah*. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 6. 35-52.
- Scherr, L. (2000). *Women in Engineering*. Enews Source. Morrison & Tyson Communication
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business – A skill building approach*. (2nd Ed). United States of America: John Wiley & Sons, Inc.

- Shertzer, B. & Stone. S. C. (1992). *Asas-asas bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sikh Mohamad, R. (2008). *Kesediaan Pelajar Dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Smithson, J. (1999). *Equal choices, different futures: Young adults talk about work and family expectations*. *Psychology of Women Section Review*, 1, 43-57.
- Solcum, W. L. (1980). *Occupational Careers: A Sociological Perspective*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Stanley & Sedlack. (1992). *Social research : Theory and methods*. Canada. Allyn and Bacon.
- Super, D. E (1957). *The Psychology of Careers, New York*: Harper and Row Publisher Co.
- Tilak, J. B. G. (2002). *Vocational Education and Training in Asia*. The Handbook on Educational Research in the Asia Pacific Region. New Delhi: Kluwer Academic Publishers.
- Tasir, Z. dan Abu, M. S. (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Window*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Unit Perancangan Ekonomi (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Jabatan Perdana Menteri
- Unit Perancangan Ekonomi (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri

- Valcour, P. M., & Tolbert, P. S. (2003). *Gender, Family and Career in the Era of Boundarylessness Determinants and Effects of intra- and Inter-organizational Mobility*. *International Journal of Human Resource Management*, 14(5), 768-787.
- Wagiman, Z. (2002). *Perlaksanaan Pengurusan Bengkel Oleh Guru-guru Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Daerah Pasir Mas, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Wan Mohamed, W. N. E. (2002). *Keusahawanan sebagai Kerjaya, Hubungan Faktor-faktor Pendorong Terhadap Minat dan Kecenderungan Pelajar Jabatan Perdagangan Politeknik Se Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.
- Wiersma, W. (1995). *Research Method In Education : An Introduction*. 6th Ed. London : Allyn & Bacon.
- Yahya, A, dan Ismail, N. (2008). *Faktor-faktor Pemilihan Kursus dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Aliran Teknikal di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Yasin, K. (2010, April 2). *Sumber Tenaga Mahir*. Berita Harian. Dicapai pada Januari 12, 2011 dari <http://beritaharian.com.my>
- Yassin, M. (2010, Mei 18). *Latihan Kemahiran Diselaras*. Berita Harian. Dicapai pada Mac 21, 2011 dari <http://www.bharian.com.my>
- Ying, B. P. & Kaur, R. (1998). *Psikologi I (Semester I)*. Shah Alam: Fajar Bakti
- Yusof & Rajiuddin (2002), *Pendidikan Vokasional dan Latihan Dalam Melahirkan Tenaga Kerja Tempatan Dalam Industri Pembinaan*. Universiti Teknologi Malaysia. Thesis Ph.D.